



09 NOV, 2022

11,000 dijangka hadir Ekspo Asean M&E

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

11,000 dijangka hadir Ekspo Asean M&E

Kuala Lumpur: Ekspo dwitahunan Asean M&E, pameran perdagangan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan tenaga terulung Asia Tenggara, dijangka menjana jualan sekurang-kurangnya RM100 juta bagi edisi ke-11 yang berlangsung tiga hari.

Pengurus Besar Negara Informa Markets Malaysia, Gerard Leeuwenburgh berkata, pameran yang berlangsung bermula kelmarin hingga 9 November (hari ini) itu berjaya menarik 150 syarikat dari 11 negara.

Katanya, terdapat empat pavilion utama antara-bangsa dari Singapura, India, China dan Turki.

"Kami menjangkakan kehadiran pengunjung kira-kira 11,000 orang dari 60 negara sepanjang tiga hari pameran berlangsung.

"Pameran itu juga me-

ngetengahkan teknologi generasi akan datang, termasuk Internet Pelbagai Benda (IoT) untuk Tenaga, kenderaan elektrik (EV) dan penyelesaian kecekapan tenaga terkini melalui automasi bangunan pintar, sistem penyejukan berpusat dan produk-produk berkaitan seperti stesen pengecasan.

"Ekspo ini bertujuan untuk meningkatkan lagi cita-cita peralihan tenaga di rantau ini.

"Kami melihat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pempamer dan pengunjung di pameran ini yang kembali ke tahap prapandemik dan percaya ia akan membantu mendapatkan perniagaan yang lebih baik kepada semua (pempamer) di sini," katanya kepada media di majlis pelancaran Ekspo dwitahunan Asean M&E di sini, kelmarin.